

STPM Kertas 1 Set KVK 2:

Soalan 1

(a) Bagi setiap amalan perakaunan yang diberikan di bawah, perihalkan andaian atau prinsip perakaunan yang bersesuaian dengan amalan tersebut.

1. Peraturan terendah antara kos atau nilai boleh realis bersih.
2. Polisi perakaunan memperuntukkan susut nilai mengikut kaedah garis lurus.
3. Keputusan untuk merekod belanja modal sebagai belanja hasil.
4. Menyediakan nota-nota kepada akaun.
5. Sumber dokumen untuk setiap urus niaga.
6. Menyediakan imbalan duga pada akhir setiap tempoh perakaunan.

(6 markah)

(b) Perniagaan OSH, yang dimiliki oleh Encik Rama, telah beroperasi selama 5 tahun menyediakan perkhidmatan juru runding keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Maklumat berikut berkaitan dengan tahun kewangan perniagaan ini yang berakhir pada 30 Jun 2020.

1. Jumlah penerimaan tunai berkaitan dengan hasil perkhidmatan (termasuk hasil belum terperoleh) ialah RM238,400.
2. Jumlah hasil belum terperoleh pada akhir tahun kewangan ini ialah RM22,720.

Perniagaan ini menggunakan pendekatan hasil untuk merekod semua penerimaan hasil dan membuat pelarasan untuk mengiktiraf dan memindahkan hasil sebenar ke akaun untung rugi.

Dikehendaki:

- (i) Tunjukkan catatan jurnal am bagi merekod penerimaan, pelarasan, penutupan dan catatan pembalikan (jika perlu).

(4 markah)

- (ii) Andaikan bahawa perniagaan ini menggunakan pendekatan liabiliti untuk merekod hasil yang diterima, tunjukkan catatan jurnal bagi merekod penerimaan, pelarasan, penutupan dan catatan pembalikan (jika perlu).

(3 markah)

- (iii) Pendekatan manakah lebih sesuai bagi merekod hasil belum terperoleh? Pendekatan hasil atau liabiliti? Jelaskan jawapan anda dengan merujuk kepada prinsip perakaunan yang relevan.

(3 markah)

(c) Bezakan antara tiga badan perakaunan di Malaysia, iaitu:

1. Institut Akauntan-akauntan Awam Malaysia (MIA)
2. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB)
3. Institut Akauntan Bertauliah dan Awam Malaysia (MICPA)

(4 markah)